



11 JUL, 2024

## Rugi RM3.4b kecurian tenaga aktiviti bitcoin

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



PIHAK berkuasa menggunakan jentera penggelek jalan untuk melupuskan mesin perlombongan bitcoin.

## Rugi RM3.4b kecurian tenaga aktiviti bitcoin

**Seri Kembangan:** Kecurian tenaga melalui aktiviti perlombongan bitcoin yang semakin berleluasa mengakibatkan negara mengalami kerugian RM3.4 bilion dalam tempoh lima tahun.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, jumlah kerugian berdasarkan data dikumpulkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi tempoh 2018 sehingga 2023.

Menurutnya, walaupun ia mungkin peratusan kecil berbanding keseluruhan penggunaan tenaga, tetapi nilai kerugian memberi kesan menyeluruh kepada negara dan sektor tenaga.

“Apabila kita bercakap soal kerugian kepada negara dan khususnya sektor tenaga, sebenarnya bukan lagi jutaan tetapi sudah mencecah bilion ringgit. Paling signifikan dalam tempoh lima tahun kebelakangan adalah kecurian melalui aktiviti perlombongan bitcoin berjumlah RM3.4 bilion.

“Untuk kecurian yang lain seperti pengubahsuaian meter, rumah kongsi

melakukan penyambungan elektrik haram dan sebagainya di mana kaedah pengoperasian mengurangkan kecurian sentiasa dilakukan.

“Tetapi kita kena ambil maklum bahawa insiden atau kecurian daripada perlombongan bitcoin semakin berleluasa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melakukan gimik pelupusan rampasan Suruhanjaya Tenaga (ST) di pusat pembuangan dan pelupusan logam di Taman Industri Selesa Jaya, Balakong, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Ismail Zaili Yusop dan Ketua Pegawai Operasi ST, Dr Ir Dr V Sanjayan.

Akmal Nasrullah berkata, bukan sahaja negara, namun rakyat juga menanggung kesan kerugian hasil melalui pelarasan tarif atau sebagainya.

Terdahulu, sebanyak 2,022 barangan rampasan elektrik bernilai RM2.2 juta dilupuskan selepas didapati gagal mematuhi beberapa syarat ditetapkan ST termasuk tidak mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.